

Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Klas: 84 Ng
No Perolehan: T 0861
Tarikh: 12/84

Perbadanan
Kemajuan Ekonomi Negeri Johor
- Aspek Sosial Ekonomi

Pekerja Ladang

Saya amat terhutang budi kepada mereka yang telah sudi memberikan masa dan membentur pendukun kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini dan sebolehnya saya menulis projek penyelidikan ini.

Dalam merulis projek penyelidikan, saya sangat berhutang budi kepada pengetahuan, Prof. Ng Kim Yong, Mohd Faizal Haji Yaakob atas panduan. Kritikan dan per Matrik No: 41359 arahadap projek penyelidikan ini yang sangat saya bergati.

Saya juga ingin mohon maaf kepada pegawai-pejawai bahagian perkhidmatan, PKR, serta pengurus, konduktor, kerani dan responabiliti-pengurusan di Lembaga Tebrau atas budibhawaan dan kerjasama mereka semasa saya menjalankan penyelidikan di situ.

Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi Matrik No: 41359
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

PENGHARGAAN

Dua tujuan kajian bagi projek penyelidikan ini ialah untuk
Saya amat terhutang budi kepada mereka yang telah sudi
meruangkan masa dan memberi panduan kepada saya untuk menjalankan
penyelidikan ini dan membolehkan saya menulis projek penyelidikan ini.

salin sebuah ladang milik PKENJ.

Dalam menulis projek penyelidikan, saya sangat terhutang budi
kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Mohd Fauzi Haji Yaakob atas
panduan. Kritikan dan penyemakan belian terhadap projek penyelidikan
ini yang amat saya hargai.

pasca remaja mengikuti sejati PKENJ dengan penumpuan kepada
keikutsertaannya dalam mendos pertanian di Negeri Johor. Bab III dan IV

Saya juga ingin berterima kasih kepada pegawai-pegawai
bahagian perancang PKENJ, serta pengurus, konduktor, kerani dan
responden-responden di Ladang Tebrau atas budibahasa dan kerjasama
mereka semasa saya menjalankan penyelidikan di situ.

Matrik No: 41359

Januari 1985

SINOPSIS

Tujuan kajian bagi projek penyelidikan ini ialah untuk melihat peranan dan usaha PKENJ dalam bidang pertanian dan meninjau corak sosio ekonomi pekerja ladang di ladang milik PKENJ. Kajian luar untuk projek penyelidikan ini telah dijalankan di Ladang Tebrau, iaitu salah sebuah ladang milik PKENJ.

Jadi dalam Bab I, penkaji telah menghuraikan tujuan, metode dan masalah yang dihadapi semasa menjalankan projek penyelidikan ini. Bab II pula membincangkan kegiatan PKENJ dengan penumpuan kepada kegiatannya dalam memajukan pertanian di Negeri Johor. Bab III dan IV pula menerangkan tentang keadaan sosial ekonomi pekerja dan keadaan kerja, serta hubungannya dengan Kesatuan Sekerja. Akhir sekali, dalam Bab IV, pengkaji telah merumuskan segala penemuan-penemuan kajian ini.

Masalah Yang Dihadapi Semasa	11
Kelebihan Kajian Luar	
Bab II	
Perbadanan Kemajuan Negeri	
Negeri Johor	13
Pengenalan	13
Tujuan Penubuhan	13
Projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan	14
Projek Pertbadanan Dalam Perusahaan	
Berasaskan Pertanian	16
Penopongan Pertbadanan Kemajuan	
Negeri, Negeri Johor	18
Pembangunan Pertanian	20

Bab III	Kendalian Sosial Ekonomi Pekerja Tidak <u>KANDUNGAN</u>	24
	Struktur Organisasi Industri Tebrau	24
	Kendalian Sosial dan Ekonomi Pekerja Industri	27
	Aspek Pekerjaan	34
Penghargaan	Muka Surat	
	Kesatuan Sekerja	2
	Sejarah Penubuhan	36
Sinopsis	Struktur Dan Organisasi MJPW	3
	Pekerja Industri Dan Kesatuan Sekerja	39
Jadual dan Gambarajah		6
Bab V	Rumusan	44
Bab I	Pengenalan	7
Lampiran I	Tujuan dan Bidang Penyelidikan	7
	Teknik Penyelidikan	8
Lampiran II	Kebaikan dan Kelemahan Metode	10
	Penyelidikan	55
Lampiran III	Masalah Yang Dihadapi Semasa	11
	Melakukan Kajian Luar	56
Bibliografi		57
Bab II	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor	13
	Pengenalan	13
	Tujuan Penubuhan	13
	Projek-projek yang dikendalikan oleh Perbadanan	14
	Projek Perbadanan Dalam Perusahaan Berasaskan Pertanian	16
	Pencapaian Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor	18
	Pembangunan Pertanian	20

Bab III	Keadaan Sosial Ekonomi Pekerja Ladang	24
	Struktur Organisasi Ladang Tebrau	24
	Keadaan Sosial dan Ekonomi Pekerja Ladang	27
	Aspek Pekerjaan	34
	Maka Surat	
Bab IV	Kesatuan Sekerja	36
Judul 1.1	Sejarah Penubuhan	36
Judul 1.2	Struktur Dan Organisasi NUPW	37
Judul 2.1	Pekerja Ladang Dan Kesatuan Sekerja	39
Bab V	Rumusan	44
Judul 2.3	Pemas-pemas Kewangan PKBN (1970/73 - 1975)	48
Lampiran I		
Judul 2.4	Pembelajaran Pengurusan Dan Keuntungan Ladang-Ladang Milik PKBN (Tahun 1982)	55
Judul 3.1	Pembangunan Daerah oleh Agensi Kerajaan Negeri	56
Lampiran III		
Bibliografi	Struktur dan Organisasi Ladang Tebrau	57
Judul 3.2	Pembahagian Jantina Dan Umur Responden	58
Judul 3.3	Tahap-tahap Pelajaran Propositi	59
Bibliografi 3.4	Pembahagian Pembelajaran Responden	62
Bibliografi 4.1	Struktur Organisasi NUPW	68

<p>Dalam kerangka pembangunan sosial</p> <p>Malaysia, kembangsaan sentiasa berfungsi sebagai agensi dan perbadanan</p> <p>Jadual 1.1 Tahap-tahap Penyelidikan negeri yang ingin menapai pembangunan yang sebenar juga tidak boleh dilakukan untuk mendirikan agensi</p> <p>Jadual 2.1 Keluasan Ladang Yang Bertanam Bagi Ladang-Ladang Milik Perbadanan</p> <p>Gambarajah 2.2 Keuntungan PKENJ (1971 - 1982)</p> <p>Jadual 2.3 Punca-punca Kewangan PKENJ (1970/73 - 1975)</p> <p>Jadual 2.4 Pembelanjaan Pengurusan Dan Keuntungan Ladang-Ladang Milik PKENJ (Tahun 1982)</p> <p>Jadual 2.5 Pembangunan Tanah oleh Agensi Kerajaan Negeri</p> <p>Gambarajah 3.1 Struktur dan Organisasi Ladang Tebrau</p> <p>Jadual 3.2 Pembahagian Jantina Dan Umur Responden</p> <p>Jadual 3.3 Tahap-tahap Pelajaran Responden</p> <p>Gambarajah 3.4 Pembahagian Pembelanjaan Responden</p> <p>Gambarajah 4.1 Struktur Organisasi NUPW</p>	<p>Muka Surat</p> <p>8</p> <p>17</p> <p>19</p> <p>20</p> <p>22</p> <p>23</p> <p>25</p> <p>28</p> <p>29</p> <p>32</p> <p>38</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

BAB I para pekerja yang bekerja di ladang milik Perbadanan di bawah
ladang berikut:-

PENGENALAN

1. Dasar perancang yang bertujuan mencapai sosio-ekonominya

Pengenalan

Namun socio-ekonomi pekerja

Dalam usaha untuk mencapai pembangunan sosial ekonomi di Malaysia, Kerajaan telah mendirikan berbagai agensi dan perbadanan untuk maksud tersebut. Di Johor, sebagai negeri yang ingin mencapai pembangunan yang pesat juga tidak ketinggalan untuk mendirikan agensi dan perbadanannya, diantaranya termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat dan sebagainya. Perbadangan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor merupakan salah sebuah agensi Kerajaan Negeri Johor yang telah menunjukkan kejayaannya dari berbagai bidang, termasuk pertanian, perindustrian, perumahan, dan perdagangan. Dari berbagai bidang ini, pengkaji berminat untuk melihat apakah kesan sosial ekonomi Perbadanan terhadap pekerja-pekerja ladang yang menjalankan kegiatan pertanian di ladang milik perbadanan.

Tujuan dan Bidang Penyelidikan

Dalam projek penyelidikan ini, pengkaji bertujuan melihat perbadanan sebagai sebuah perbadanan yang berusaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, dan berfungsi sebagai badan ekonomi yang berdikari, bagaimana ia merancang mencapai tujuannya dan apakah reaksi pekerja ladang terhadap perbadanan.

Pendek kata, pengkaji ingin mengkaji pencapaian Perbadanan dan cara

hidup para pekerja yang bekerja di ladang milik Perbadanan di bawah bidang berikut:-

1. Dasar perancang yang bertujuan mencapai sosio-ekonomimnya
2. Latarbelakang pekerja dan hubungan dengan Perbadanan
3. Keadaan sosio-ekonomi pekerja
4. Hubungan Kesatuan sekerja dengan pekerja dan perancang
5. Keseimbangan yang dicapai oleh pekerja dan perancang

Teknik Penyelidikan

Bagi setiap penyelidikan, ia mempunyai cara dan metode yang berbeda untuk mengumpul dan menganalisa data. Pengkaji, sebagaimana penyelidik-penyelidik lain juga telah menggunakan berbagai teknik penyelidikan untuk mencapai tujuan di atas. Jadual 1.1 merupakan langkah kasar pengkaji menjalankan penyelidikan pengkaji.

JADUAL 1.1 : Tahap-Tahap Penyelidikan

Tahap Penyelidikan	Jenis maklumat Diperlukan	Masa Diambil	Teknik Penyelidikan
Pertama	Exploratory study	1 1/2 minggu	Penyelidikan Perpustakaan
Kedua	PKENJ - Pencapaian dan pengurusan etc.	2 minggu	Documen study & Temubual informal
Ketiga	Sosial - ekonomi pekerja ladang	1 minggu	Temuduga berstruktur & Temubual informal
Keempat	Pendapat masyarakat terhadap PKENJ	1 minggu	Temubual informal
Kelima	Aspek-Aspek lain		Documentary

Kebahan Bagaimanapun, penyelidikan kadang-kala tidaklah dilakukan bertahap-tahap, tetapi dikehendaki dilakukan secara serentak. Dalam usaha pengkaji menjalankan penyelidikan tersebut, pada peringkat asalnya, pengkaji telah melakukan explanatory study adalah untuk membiasakan diri dengan pembolehubah-pembolehubah yang ketara dan pelakuan-pelakuan yang dijangkakan. Pengkaji merasa ia sangat diperlukan untuk memastikan validity data yang dikumpul.

Dalam peringkat kedua dan ketiga, pengkaji telah melibatkan diri dalam usaha melakukan interview secara perbincangan dengan pegawai-pegawai Perbadanan dan temuduga berstruktur dengan pekerja ladang di ladang yang dipilih demi mendapatkan maklumat tentang Perbadanan tersebut dan pekerja ladang Perbadanan. Disamping itu, pengkaji juga memerhatikan pelakuan-pelakuan pekerja dan keadaan sosio-ekonomi para pekerja, iaitu keadaan pelajaran, perumahan, pekerjaan dan sebagainya supaya kesilapan dalam temuduga berstruktur dapat dikurangkan.

Seterusnya, pengkaji telah melakukan beberapa informal interview dengan pegawai badan-badan kerajaan lain supaya pengkaji tidak terpengaruh sepenuhnya dengan informal interview yang dilakukan pada peringkat kedua dengan pegawai PKENJ. Satu lagi teknik penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji ialah documen study. Aspek-aspek lain yang mempengaruhi penyelidikan tetapi tidak dapat dilakukan penyelidikannya kerana kesuntukan masa dan tempat untuk mendapatkan datanya jauh, maka pengkaji terpaksa melakukan penyelidikan documen study.

Kebaikan dan Kelemahan metode Penyelidikan

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan gabungan documen study dan interview sebab kedua-duanya mempunyai kebaikan masing-masing.

Dalam interview, suatu kebaikan yang utama ialah pengkaji boleh mendapat jawapan yang lebih spesifik dan boleh mengulangi soalan-soalan tersebut bila responden tidak memahami soalan-soalan tersebut. Tambahan lagi, oleh sebab kebanyakan responden adalah buta huruf, iaitu pekerja-pekerja ladang, struktur interview merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang paling sesuai untuk mendapatkan data yang diperlukan. Sementara itu, pengkaji juga boleh memerhatikan perlakuan-perlakuan non-verbal untuk mempertimbangkan validiti jawapan responden. Selain daripada itu, pengkaji juga boleh memastikan kesemua soalan telah dijawap oleh responden sendiri, tanpa gangguan dari perkelilingannya.

Walaubagaimanapun, teknik penyelidikan temubual ini adalah terlalu mahal dan memakan masa. Ia juga tidak dapat memberi maklumat tentang pencapaian sebelum kedatangan responden dalam perkelilingan tersebut. Dengan itu, documen study telah dijalankan untuk mengatasi kekurangan-kekurangan tersebut. Dengan menggunakan kaedah documen study, pengkaji boleh membandingkan keadaan Perbadanan sejak pertubuhannya sehingga masa kini, dan melakukan kajian melalui masa yang tidak dapat dilakukan dengan struktur interview. Dengan menggunakan kaedah documen study juga, pengkaji telah menjimatkan kos penyelidikan yang tinggi berbanding dengan interview.

Masalah yang dihadapi semasa melakukan kajian luar

Semasa menjalankan kajian luar, beberapa kesulitan kajian telah dihadapi oleh pengkaji. Yang pertamanya, pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran dari pihak berkuasa untuk menjalankan kajian pengkaji. Pihak berkuasa telah memberi berbagai alasan seperti documen sulit, mengganggu pekerjaan dan sebagainya untuk menolak pemohonan pengkaji menjalankan interview atau kontent analisis. Dengan itu, pengkaji perlu mendapatkan data itu dengan secara tidak langsung dari pihak-pihak lain di mana datanya tidak begitu lengkap berbanding dengan pihak berkenaan.

Dalam usaha menjalankan interview pula, pengkaji hanya mempunyai masa yang pendek untuk melakukan temurama kerana pekerja-pekerja dikehendaki bekerja di ladang sejak 6.00 pagi hingga 2 petang. Temuduga pada waktu malam pula sukar dilakukan kerana pekerja-pekerja selalunya tidur awal dan tempat kajian adalah agak jauh dari tempat tinggal pengkaji.

Semasa interview dijalankan, pengkaji berasa agak sukar menjalankan temuduga kerana kebanyakan dari mereka adalah kaum India dan mempunyai pelajaran sekolah rendah sahaja. Dengan itu, responden selalunya tidak dapat mengetahui maksud sebenar pengkaji dan pengkaji terpaksa menghuraikan sesuatu soalan dengan berbagai cara supaya responden mengetahui maksud sebenarnya. Sebagai contoh, responden tidak memahami apa itu Kesatuan Sekerja, tetapi mengetahui maksud bila pengkaji mengatakan 'Union'. Tambahan pula, bila soalan-soalan yang menyentuh keperibadian responden sendiri, seperti harta, upah,

perbelanjaan dan sebagainya, responden selalunya tidak rela memberi jawapan yang tepat. Perkataan seperti "agak-agak", "sedikit-sedikit sahaja" selalunya merupakan jawapan mereka.

Selain daripada itu, responden juga selalunya merasa ragu atas, tujuan kedatangan pengkaji. Kadang kala mereka berasa pengkaji adalah seorang pegawai dari pihak kerajaan untuk mengetahui corak hidup mereka, oleh itu mereka selalunya membelitkan jawapan mereka supaya ia kelihatan lebih miskin dari keadaan yang sebenarnya. Pekerja juga ragu-ragu memberi jawapan yang menyentuh keadaan pekerjaan mereka kerana takut diketahui oleh pengurus ladang tersebut.

Oleh Yang Amat Berhormat Yerlari Dato' Salleh, Beberapa Timbulan Pengkaji juga berasa, masa adalah terlalu singkat untuk menjalankan kajian luar dengan teknik yang lebih menghasilkan matlumat iaitu Penyertaan Pemerhatian supaya pengkaji boleh mengalami corak-hidup pekerja-pekerja ladang yang sebenar dan dijadikannya sebagai teknik kawalan bagi struktur interview.

Tujuan Penubuhan

Selaras dengan aspirasi dan ketekadik Doser Economi Baru, Perbadanan adalan digerakkan ke arah pencapaian 3 maklumat berikut:-

1. Mengurus perniagaan rakyat
2. Membaiki kesejahteraan
3. Membina sebuah organisasi yang teguh, berdayaaju dan berdikari

Untuk mencapai maklumat-maklumat di atas, Perbadanan telah digerakkan untuk menuju, seterusnya, membangun dan menjalankan sejua

BAB II

Kemajuan negara dalam sejaki bagi makud-makud jemaah pertanian, perusahaan, perusahaan, peribahagian dan perdagangan.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI

NEGERI JOHOR

Perbadanan dengan bantuan kewangan dari Kerajaan, telah **Pengenalan**

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah Enakmen PKENJ Bil.4 tahun 1968 dan telah mula beroperasi pada bulan Ogos, 1970. Perbadanan ini mengandungi 11 orang ahli majlis yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, seorang Timbalan Penggerusi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor, 3 orang ahli atas jawatan yang terdiri dari Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dari Penasihat Undang-undang Negeri Johor dan 5 orang lagi ahli yang dilantik untuk tempoh 3 tahun selain dari Pengarah Kerja yang menjadi Ketua Executive PKENJ.

Tujuan Penubuhan

Selaras dengan aspirasi dan kehendak Dasar Ekonomi Baru, Perbadanan adalah digerakkan ke arah pencapaian 3 matlamat berikut:-

1. Menyusun semula masyarakat
2. Membasmi Kemiskinan
3. Membina sebuah organisasi yang teguh, berdayamaju dan berdikari

Untuk mencapai matlamat-matlamat di atas, Perbadanan telah digerakkan untuk memaju, menggalak, memudah dan menjalankan segala

kemajuan tanah dalam negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan.

Projek-projek yang dikendalikan oleh PKENJ

Perbadanan dengan bantuan kewangan dari Kerajaan, telah berusaha mendirikan sebuah perbadanan yang berbentuk 'self-financing' melalui berbagai projek dalam perindustrian, perumahan, pertanian dan perdagangan.

Dalam projek perindustrian dan perdagangan, Perbadanan telah berusaha menyediakan infrastruktur bagi tujuan pembangunan seperti menyediakan tapak-tapak kawasan perindustrian yang lengkap termasuk kemudahan perumahan bagi pekerja. Selain daripada itu, Perbadangan juga secara usaha bersama dengan pelabur-pelabur dalam dan luar negeri atau secara bersendirian memasuki bidang-bidang pelaburan yang menguntungkan bagi menambahkan kumpulan kewangannya. Bagaimanapun, kebanyakannya pelaburan itu adalah berasaskan kepada pemerosesan dan perkilangan barang siap dari bahan mentah tempatan.

Perbadanan juga menjalankan usaha dan menggalakkan penyertaan kaum bumiputra didalam perdagangan dan perusahaan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan memberi peluang-peluang membeli saham-saham yang dipegang oleh Perbadanan di dalam syarikat anak yang telah berjalan dengan sempurna, serta menyertai di dalam bidang pengurusan syarikat-syarikat tersebut dan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada mereka. Sehingga kini, Perbadanan telah mempunyai 18 buah syarikat anak yang bermodal \$98 juta, dan 12 buah syarikat

bersekutu dengan bayaran modal sebanyak \$148 juta kesemua syarikat anak dan syarikat bersekutu ini telah mengambil 6,905 orang untuk menggerakkan syarikat-syarikat mereka.

Projek Perumahan Dalam Perusahaan Beranggaran Perbadanan

Di samping itu, Perbadanan juga menyediakan kedai-kedai bagi kemudahan bumiputra menjalankan perniagaan mereka di bandar-bandar yang sudah sedia ada dan di bandar-bandar baru. Untuk tujuan ini, Perbadanan telah siap membina 384 unit perkedaian pada tahun 1983 di bandar-bandar di Johor. Projek-projek ini termasuk 157 unit komplek membeli belah dan Pejabat di Kompleks Tun Abdul Razak, 40 unit Gerai di Pasar Borong Tampoi dan 74 unit kedai sementara di Serom dan Parit Sulong.

Sehingga 31hb Disember, 1982, Perbadanan juga telah membangunkan 9 buah kawasan perindustrian yang berjumlah 880.24 hektar memberi sebanyak 18,649 peluang pekerjaan di kawasan tersebut. Kawasan perindustrian itu termasuk Pasir Gudang, Tanjung Agas, Kluang dan Segamat.

Di samping itu, untuk mengatasi kekurangan perumahan, Perbadangan juga telah membina 2893 unit rumah termasuk 1504 unit pangsa 4 tingkat di Pasir Gudang, 1375 unit rumah kayu teres setingkat di Tampoi, Pasir Putih dan Pasir Gudang, serta 1101 unit rumah batu teres di Batu Pahat, Tanjung Agas dan Pasir Gudang. Walau bagaimanaupun, oleh kerana keadaan ekonomi yang merosot di Malaysia, permintaan untuk perumahan di kawasan tersebut adalah tidak begitu memuaskan. Untuk mengatasi masalah ini, berbagai usaha telah dijalankan termasuk menyewakan rumah yang telah dibina dan menjalankan projek perumahan

Jadual 2.1: Keluasan Ladang Yang Berfungsi (Hektar) Bagi Ladang-Ladang Milik Perbadanan

Projek Perbadanan Dalam Perusahaan Berasaskan Pertanian

Sejak mula lagi, Perbadanan telah memainkan peranan yang penting dalam bidang industri yang berasaskan pertanian. Kepentingannya boleh diperhatikan daripada pembelian Ladang Tebrau sebagai perusahaan pertama untuk menggerakkan perusahaan Perbadanan. Dengan membandingkan keluasan ladang milik Perbadanan pada tahun 1971 dengan keluasannya pada tahun 1983, diperhatikan Perbadanan telah menambahkan keluasan ladangnya sebanyak 5 kali ganda. (Jadual 2.1)

Perbadanan Terdahulu	Kawasan Ladang	Keluasan Ladang Milik Perbadanan					
		1971	1974	1975	1976	1977	1978
A.	1. Ladang Untuk Pertanian	3,605	3,605	3,926	3,926	3,605	3,605
	2. Ladang Untuk Pembangunan	1,070	900	900	900	900	900
	3. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
	4. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500
	5. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	350	350	350	350	350	350
	6. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	1,137	3,800	2,519	1,331	2,092	2,367
B.	1. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	922	8,162	10,265	8,340	10,058	11,126
	2. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	1,200	1,199	1,190	1,190	1,190	1,190
	3. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	2,050	2,061	2,237	2,237	2,237	2,237
	4. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	1,300	1,670	1,481	2,215	2,285	2,285
	5. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	2,521	2,521	2,118	3,453	3,553	3,553
	6. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	2,106	2,106	3,523	3,278	4,460	4,460
	7. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	2,400	460	1,120	2,300	2,300	2,300
	8. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	375	365	385	677	705	705
	9. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	200	700	1,000	828	903	985
	10. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	10,172	19,106	26,373	29,899	21,919	24,401
	11. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	4,560	5,808	10,391	11,661	13,321	14,578
	12. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	12,601	12,601	12,601	12,601	12,601	12,601
	13. Ladang Untuk Pembangunan Kawasan Kota	35,312	35,312	35,312	35,312	35,312	35,312

Jadual 2.1: Keluasan Ladang Yang Bertanam (Ekar) Bagi Ladang-ladang Milik Perbadanan

Projek 1 tahun	1971	1972	1973	1974	1975	1976	1977	1978	1979	1980
Pertanian										
A. Ladang Perbadanan										
1. Ladang Tebrau	3,323	3,354	3,906	3,605	3,605	3,596	3,416	3,625	3,625	3,786
2. Ladang Sungai Sembrong							4,256	4,248	4,527	4,539
3. Ladang Simpang Kiri		2,994	3,156	3,000	2,500	1,670	900	800	3,843	3,849
4. Ladang Buluh River		360	360	360	360	355	355	800	1,000	
5. Ladang Payoh			500	1,137	3,800	2,519	1,331	2,092	355	360
6. Ladang Ubi Kayu									2,387	2,387
Jumlah A	3,323	6,708	7,922	8,102	10,265	8,140	10,258	11,120	15,537	15,921
B. Ladang Pihak Lain										
1. Ladang Sungai Layang				1,200	1,199	1,190	1,190	1,190	1,190	1,239
2. Ladang Sepang Loi			200	2,060	2,064	2,237	2,237	2,237	2,237	2,371
3. Ladang Sungai Kluang				1,300	1,670	1,481	2,245	2,245	2,245	2,296
4. Ladang Sungai Papan						2,321	2,118	3,453	3,453	7,486
5. Ladang Linden						2,106	2,106	2,523	2,781	1,980
6. Ladang Asam Bubok							400	460	1,100	2,300
7. Rancangan Tanah Pemuda					375	365	365	385	687	765
8. Rancangan Beliawanis					500	700	1,000	828	985	985
Jumlah B		200		4,560	5,808	10,341	11,661	13,321	14,678	19,421
Jumlah A & B	3,323	6,708	10,172	19,106	26,173	29,899	21,919	24,441	30,215	35,342

Sumber: Kertas-kerja-Kajian Semula Pencapaian Projek-projek Dalam Rancangan Malaysia Ke 2 ke 3

Memandangkan bahawa harga bahan pertanian yang tidak stabil di pasaran dunia, dan mendatangkan kesan yang buruk kepada jumlah pendapatan yang diterima dan seterusnya kepada perkembangan ekonomi secara keseluruhannya, maka Perbadanan juga telah menjalankan usaha-usaha mempelbagaikan pertanian, iaitu dengan membuka bukan sahaja ladang getah, tetapi juga ladang kelapa sawit, koko dan ubi kayu.

Suatu aspek yang penting yang diambil perhatian ialah pemerosesan bahan-bahan keluaran pertanian. Hal ini penting bukan sahaja dari segi mendapatkan pasaran terjamin bagi bahan-bahan pertanian, malahan juga kerana pasaran keluaran pertanian yang telah diproses adalah lebih baik dan menguntungkan. Oleh kerana itu, PKENJ kini telahpun mempunyai kilang getah, kilang memproses ubi-kayu dan kilang memproses kelapa sawit. Perbadanan juga secara usahasama dengan pihak swasta telah memdirikan sebuah kilang untuk mengeluarkan sarung-tangan getah, 2 buah kilang menapis dan memproses minyak kelapa sawit menjadi minyak makan mentega dan sebagainya.

Selain daripada mendirikan kilang-kilang yang secara langsung berkaitan dengan pertanian, Perbadanan juga berusaha mendirikan kilang-kilang yang berhubungkait dengan perusahaan perikanan dan ternakan. Kilang-kilang tersebut termasuk kilang airbatu, kilang memproses ikan baja menjadi tepong ikan untuk bahan makanan ternakan.

Pencapaian Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor


Sejak dari 31hb Julai 1970, Perbadanan telah bersedia berusaha menuju tujuan "memaju, menggalak, memudah dan menjalankan

segah kemajuan tanah dalam Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan berdirga 1960. Perbadanan ini, sejak 1971 telah berjaya mencapai pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan.

Dari sejak memulakan kegiatan, Perbadanan telah menunjukkan kejayaan-kejayaan. Pada akhir tahun 1981, Perbadanan telah dapat mencapai keuntungan sebanyak \$22.54 juta, iaitu, pertambahan sebanyak 43.5% berbanding dengan tahun 1980. Ini adalah keuntungan tertinggi yang pernah diperolehi. Melalui gambarajah 2.2, dapat diperhatikan keuntungan bagi PKENJ bagi tempoh lima tahun pertama perundangan. Dari sini, jadi Gambarajah 2.2 : Keuntungan PKENJ (1971 - 1982)

* Juta. melalui pelaburan yang lebih banyak dari pinjaman kerajaan dan keuntungan Perbadanan.

Jadual 2.3 : Pemas-pemas Kewangan PKENJ (1970/73 - 1975)



Sumber : Lapuran Tahunan PKENJ - 1983

Pembangunan Perbadanan yang penting. Di sepanjang sepuluh tahun 1971 pencapaian Perbadanan bagi tempoh sepuluh tahun, dari tahun 1971

sehingga 1982. Perbadanan ini, sejak 1971 telah beransur mencapai keuntungan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pencapaian ini adalah hasil usaha Perbadanan sendiri. Pinjaman modal dari kerajaan Negeri pada permulaan perlaksanaan aktivitinya pada tahun 1971 telah dapat dibayar balik kesemuanya dan pertambahan modal seterusnya telah dijalankan melalui pengurusan harta yang cekap dan pegangan yang teguh kepada prinsip perniagaan. Jadual 2.3 dibawah menunjukkan punca kewangan bagi PKENJ bagi tempoh lima tahun pertama penubuhannya. Dari sini, jelas bahawa Perbadanan telah bertambah yakin dengan kemampuan dirinya melalui pelaburan yang lebih banyak dari pinjaman kerajaan dan keuntungan Perbadanan.

Jadual 2.3 : Punca-punca Kewangan PKENJ (1970/73 - 1975)

Tahun	Punca-Punca Kewangan PKENJ				
	1970/71 (\$'000)	1972 (\$'000)	1973 (\$'000)	1974 (\$'000)	1975 (\$'000)
Pinjaman dari Kerajaan Negeri Johor	6,175	1,000	2,825	-	10,000
Pinjaman dari Kerajuan Persekutuan untuk projek-projek tertentu	-	6,000	-	13,750	25,000
Keuntungan dari projek	237	500	1,900	2,500	3,000
Jumlah	6,412	7,500	4,725	16,250	38,000

Sumber: Kertas-kerja Penilaian atas Rancangan 5 tahun PKENJ, 1971-75
 Jumlah kurang 54.4% daripada jumlah keuntungan Perbadanan.

Pembangunan Pertanian

Pembangunan pertanian merupakan satu daripada projek pembangunan Perbadanan yang penting. Di sepanjang sepuluh tahun 1971 - 1980, ladang-ladang milik PKENJ telah diperluaskan daripada sebuah

ladang asal, iaitu Ladang Tebrau (3,786 ekar) pada tahun 1971 kepada empat buah ladang dengan keluasan sebanyak 8,140 ekar pada tahun 1976.

Pada tahun 1983, Perbadanan telah memperolehi sebanyak 11 buah ladang dengan keluasan 58,782 ekar.

Pada akhir tahun 1981, Perbadanan telah terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan ladang seluas 62,485 hektar (154,400 ekar) yang mana 42,520 hektar (105,567 ekar) telahpun bertanam, iaitu dengan getah (6,399 hektar), kelapa sawit (34,713 hektar) koko dan kelada MAWA (1,141 hektar). Dari jumlah kawasan yang telah bertanam ini, seluas 28,477 ekar telah mendatangkan hasil, iaitu dengan getah, kelapa sawit dan koko.

Dengan pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berpegang kepada prinsip perniagaan, ladang-ladang milik Perbadanan dan ladang-ladang lain di bawah pengurusan Eastern Plantations Agency, iaitu sebuah syarikat anak Perbadanan yang mengambil alih pengurusan semua ladang kepunyaan Perbadanan sejak Oktober, 1980 telah mencapai keuntungan yang tinggi. Jadual 2.4 dibawah merupakan pembelanjaan pengurusan dan keuntungan bagi ladang-ladang milik Perbadanan yang diuruskan dibawah Eastern Plantations Agency pada tahun 1982. Pada tahun itu, jumlah keuntungan ladang-ladang itu adalah hampir \$9 juta, iaitu lebih kurang 54.4% daripada jumlah keuntungan Perbadanan.

103. Berbanding dengan kesan-kesan tersebut untuk pertanian oleh agensi kerajaan Negeri Johor, setengahnya yang ditunjukkan dalam Jadual 2.5. PRBNW walaupun melibatkan dari datuk berbagai sektor, telah membangunkan tanah seluas 61,976 hektar daripada jumlah 525,743

Jadual 2.4 : Pembelanjaan Pengurusan dan Keuntungan

Ladang-Ladang milik PKENJ (Tahun 1982)

Berdasarkan Jenis Ladang	Pembelanjaan Pengurusan (\$)	Untung/(Rugi) \$
1. Ladang Tebrau	2,109,627	1,107,523
2. Ladang Sg. Sembrong	3,206,002	2,712,498
3. Ladang Pagoh	218,357	228,297
4. Ladang Kuala Kabong	3,668,978	3,622,754
5. Ladang Bukit Cucuk	371,924	159,089
6. Ladang Simpang Kiri	3,910,381	1,023,482
7. Ladang Buluh River	-	84,000
	13,485,269	8,937,643

Sumber: Kertas-kerja - Perbelanjaan dan Terimaan projek-projek pertanian 1982.

Melalui projek-projek perladangan ini, Perbadanan telah membantu di dalam usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan, iaitu melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Johor. Jumlah pekerja ladang telah meningkat beransur-ansur dari 744 orang kepada 2,101 orang pada tahun 1976, dan meningkat kepada tidak kurang daripada 7,000 orang pada 1981, yang mana 44% adalah terdiri daripada kaum bumiputra dan 30% bukan bumiputra. Kira-kira 58% daripada pengurus dan penolong pengurus di ladang-ladang tersebut adalah terdiri daripada kaum bumiputra.

Jika berbanding dengan kamajuan tanah untuk pertanian oleh agensi kerajaan Negeri Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.5. PKENJ walaupun melibatkan dari dalam berbagai sektor, telah membangunkan tanah seluas 61,976 hektar daripada jumlah 525,743

hektar yang telah dibangunkan, iaitu melebihi 11% daripada jumlah pembangunan tanah untuk pertanian oleh agensi kerajaan Negeri Johor. Dari peratusan ini, adalah jelas bahawa —

Jadual 2.5: Pembangunan Tanah oleh Agensi Kerajaan Negeri (sehingga September, 1982)

Agensi	Luas (Hektar)	Luas Kawasan (Hektar)		
		Getah	Kelapa Sawit	Lain-lain
PKENJ	61,967	6,399	34,713	20,855
KEJORA	74,910	4,017	53,628	17,265
FELDA	118,611	24,828	90,361	3,422
RISDA	251,600	150,960	-	100,640
FELCRA	18,655	10,129	7,269	1,257
Jumlah	525,743	196,333	185,971	143,439

Sumber: Lapuran Tahunan PKENJ (1983) pada tahun 1982.

Pada masa itu, tanah di ladang ini masih berasal daripada 2826 ekar Perbadanan tidak dapat dinafikan merupakan salah sebuah agensi yang diberi wewenang kelepas sawit dan yang lainnya merupakan kawasan lapang penting dalam memajukan tanah untuk pertanian.

Pertambahan sekurangnya sebanyak 1660.5 ekar (672 hektar) getah dan 535 ekar (333 hektar) kelapa sawit. Melalui pengurusan yang cekap, keuntungan ladang ini telah meningkat dari \$377,000 pada tahun 1971 kepada sebanyak \$1 juta pada tahun 1982, walaupun harga getah dan kelapa sawit terpaksa bergantung kepada pasaran dunia.

Pada tahun 1983, ladang ini telah menggaji sebanyak 338 orang untuk mengurusnya. Dari jumlah ini, 157 orang atau 46.4% berketurunan kaum Melayu dan 175 orang atau 51.8% merupakan kaum India.

BAB III

Keadaan Sosial Ekonomi

Pekerja Ladang

Dalam ladang ini, terdapat sejumlah besar pekerja yang ditunjukkan dalam gambarajah 3.1.

Dalam bab yang lain, pengkaji telah meringkaskan kegiatan-kegiatan Perbadanan dengan penumpuan kepada kegiatannya dalam memajukan pertanian di Negeri Johor. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan corak sosial ekonomi pekerja ladang di ladang Tebrau, iaitu sebuah ladang kepunyaan Perbadanan.

Struktur Organisasi Ladang Tebrau


Ladang Tebrau ini terletak di Majidee, suatu kawasan luar bandar, lebih kurang 5 batu dari ibu negeri Johor, Johor Bahru. Ladang ini telah dibeli dari Syarikat British oleh Perbadanan dengan harga \$4.85 juta dengan pinjaman dari Kerajaan Negeri pada tahun 1969. Pada masa itu, tanaman di ladang ini adalah terdiri daripada 2826 ekar getah, 504 ekar kelapa sawit dan yang lainnya merupakan kawasan lapang dan perumahan. Dari jumlah kluasan 3798 ekar (1537 hektar) Perbadanan sekarang telah menanam 1660.5 ekar (672 hektar) getah dan 835 ekar (338 hektar) kelapa sawit. Melalui pengurusan yang cekap, keuntungan ladang ini telah meningkat dari \$397,000 pada tahun 1971 kepada melebihi \$1 juta pada tahun 1982, walaupun harga getah dan kelapa sawit terpaksa bergantung kepada pasaran dunia.

Pada tahun 1983, ladang ini telah menggajikan seramai 338 orang untuk mengusahakannya. Dari jumlah ini, 157 orang atau 46.4% merupakan kaum Melayu dan 175 orang atau 51.8% merupakan kaum India.

Hanya 6 orang pekerja ladang di sini adalah orang Cina.

Dalam ladang ini, struktur dan organisasi pentadbiran adalah seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 3.1.

Gambarajah 3.1 : Struktur dan Organisasi Ladang Tebrau



Sumber: Hasil Perbincangan Dengan Konduktor Ladang Tebrau

Dalam gambarajah 3.1 boleh diperhatikan bahawa pengurus adalah orang yang bertindak terhadap keputusan-keputusan yang diluluskan oleh Perbadanan. Penolong pengurus pula ditugaskan untuk menguruskan segala urusan ladang, sementara dua orang kerani ditugaskan dalam urusan semua akaun dan urusan pejabat.

Dalam ladang ini, 4 orang konduktor telah digajikan untuk menolong penjalankan tugas dalam pengurusan ladang. Keempat-empat mereka telah ditugaskan dalam 3 bahagian urusan yang berlainan iaitu urusan pekerja buruh urusan penoreh getah dan urusan pemungutan kelapa sawit.

Dalam urusan pekerja buruh, seorang konduktor telah ditugaskan untuk membahagikan pekerjaan kepada 4 orang mandur di bawah kawalannya. Dari sini, keempat-empat orang mandur akan memastikan tiap-tiap tugas itu dibahagikan kepada lebih kurang 20 orang pekerja buruh yang berada dibawa penyeliaan mereka. Tugas-tugas yang dilakukan oleh pekerja buruh ini termasuk menjaga anak-anak pekerja ladang semasa ibubapa mereka bekerja di ladang, membersihkan lorong ladang getah, menjalankan experimen Institut Penyelidikan Getah (RRI), membersihkan tangki getah yang mengangkut susu getah dan sebagainya.

Sementara itu, urusan penoreh getah pula dijalankan dibawah pengawasan seorang konduktor bersama dengan 4 orang mandur. Disini tugas konduktor dan mandur ialah menentukan lot yang mana seharusnya penoreh-penoreh getah menjalankan tugas mereka. Di sini, setiap penoreh getah akan disediakan kawasan masing-masing. Setelah selesai menoreh di kawasan masing-masing, mereka diberi peluang untuk menoreh pokok getah di kawasan lain yang berdekatan, jika mereka mahu dan mempunyai masa. Sebagai langkah untuk mempastikan penoreh getah menjalankan mereka dengan sempurna, para mandor akan menentukan cara dan dalamnya penorehan penoreh itu adalah bersesuaian agar ia tidak menjelas penghasilan yang akan datang.

Bagi pungutan kelapa sawit pula, ladang ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian pertama, terdiri daripada pokok kelapa sawit yang berhasil sejak tahun 1968 - 78, iaitu pokok yang lebih tinggi, bahagian kedua, terdiri daripada pokok kelapa sawit yang berhasil sejak tahun 1979, dan bahagian ketiga, terdiri daripada

pokok-pokok kelapa sawit yang berhasil sejak 1980/81. Dalam bahagian ini, 3 orang mandur telah ditugaskan untuk mengawal para pekerja. Pekerja-pekerja di sini akan memungut buah secara bergilir-gilir dalam ketiga-tiga bahagian ini.

Dalam bahagian workshop, pekerjanya terdiri daripada mekanik dan pemamdu, lori dan traktor. Mekanik akan menentukan agar semua kenderaan berada dalam keadaan yang boleh beroperasi, dan pemandu pula adalah ditugaskan untuk mengangkut kelapa sawit dan susu getah dari ladang ke kilang.

Di dalam ketiga-tiga bahagian ini, pada asasnya, satu bahagian tidak akan mengganggu urusan bahagian yang lain. Sebarang masalah yang timbul akan dibincangkan sesama oleh keempat-empat orang konduktor untuk menyelesaiannya. Konduktor juga akan berusaha menyelesaikan masalah-masalah lain, misalannya soal kemalasan di kalangan pekerja, ketidak-hadiran pekerja dengan secara bersuai dengan pekerja itu.

Keadaan Sosial dan Ekonomi Pekerja Ladang

Kebanyakan pekerja-pekerja di ladang Tebrau ini terdiri daripada kaum Melayu dan kaum India, dan hanya mempunyai dua atau tiga keluarga kaum Tionghua dan kaum lain. Dari 32 responden yang dipilih secara rambang, 43.7% adalah kaum Melayu dan 56.3% adalah kaum India.

Jadual 3.2: Pembahagian Jantina dan Umur Responden

Umur	Jantina				Jumlah	
	Lelaki	%	Perempuan	%		
Kurang dari 20	-		1	8.4	1	3.1
20 - 30	2	10	6	50.0	8	25.0
30 - 40	8	40	2	16.6	10	31.3
40 - 50	4	20	3	25.0	7	21.9
50 ke atas	6	30	-	-	6	18.7
	20	100	12	100	32	100

Dalam sampel yang dipilih ini, seramai 62.5% merupakan kaum lelaki dan 37.5% merupakan kaum wanita. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 juga, boleh diperhatikan bahawa peratusan pekerja ladang adalah lebih tinggi bagi lingkungan umur melebihi 30 tahun berbanding dengan pekerja ladang di bawah 30 tahun, perbedaan ini adalah mungkin oleh sebab:-

1. Kebanyakan dari mereka yang berada dalam lingkungan umur melebihi 30 tahun adalah pekerja yang sudah berkahwin dan tidak ingin bergerak dari satu tempat ke tempat lain, iaitu 81.2% daripada kesemua responden tidak ingin meninggalkan estet ini.
2. Mobiliti pekerjaan di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Singapura dan kawasan perindustrian lain di Johor dan negeri lain menyebabkan ramai pemuda (di bawah 30 tahun) menjadikan pekerjaan di ladang sebagai batu loncatan untuk mendapat pekerjaan yang lebih sesuai di kawasan itu.

3. Ujudnya jurang generasi, iaitu 71.9% merupakan pekerja yang melebihi 30 tahun berbanding dengan 28.1% pemuda (kurang dari 30 tahun) menyebabkan pemuda lebih ingin bekerja dan tinggal di bandar atau kawasan perindustrian yang mempunyai generasi bolak pemuda yang lebih ramai.
4. Diperhatikan juga kebanyakan pemuda (kurang dari 30 tahun) yang bekerja di ladang ini sudahpun berumahtangga. Sementara itu, mereka yang tidak berumahtangga pula, mereka dikehendaki menjaga adik mereka yang masih berada di bangku sekolah.

Akibat dari ikatan-ikatan tersebut, kebanyakan mereka sebenarnya adalah terpaksa tinggal di ladang ini untuk jangkamasa yang panjang.

Jadual 3.3 : Tahap-tahap Pelajaran Responden

Pelajaran	Jantina				Jumlah
	Lelaki	%	Perempuan	%	
Tidak bersekolah	2	10	4	33.33	6 18.8
Darjah 1 - 3	5	25	4	33.33	9 28.1
Darjah 4 - 6	10	50	4	33.33	14 43.7
Sekolah Menengah (Rendah)	3	15	-	-	3 9.4
	20	100	12	100	32 100

Dari segi pencapaian pelajaran, diperhatikan bahawa kaum lelaki mempunyai pelajaran yang lebih tinggi dari kaum wanita, iaitu lebih daripada 65% responden kaum lelaki berbanding dengan 33.3% kaum

wanita mencapai pelajaran yang melebihi darjah empat. Bagaimanapun, pengkaji masih mendapati kesemua responden masih menunjukkan tahap pelajaran yang rendah. Di sini juga, hanya 15% dari mereka mencapai pelajaran sekolah menengah rendah. Corak pelajaran yang begitu rendah boleh didapati adalah oleh sebab ibu-bapa responden yang berpelajaran rendah, iaitu kurang daripada 20% ibubapa responden mempunyai pelajaran formal. Sikap ibubapa mereka yang tidak menitik-berat tentang pelajaran anak-anak mereka, dan mendapati adalah lebih menguntungkan jika anak-anak mereka membantu mereka di ladang telah mengakibatkan tahap pelajaran responden yang begitu rendah.

Bagaimanapun, generasi yang akan datang, iaitu anak adik responden, telah kelihatan perubahan yang agak ketara, terutama setelah kerajaan menjalankan berbagai polisi untuk meninggikan tahap pelajaran negara. Di antara 29 responden yang berumahtangga, kesemua 19 keluarga responden yang mana anak mereka mencapai umur belajar telah diberi pelajaran yang formal disekolah samada di desa, dalam estet sendiri ataupun di bandar. Di antara 32 responden yang disoal juga, sebanyak 59.4% dari keluarga responden mempunyai seorang hingga tiga orang anak sahaja, dan sebanyak 78.1% dari keluarga responden mempunyai kurang daripada 6 orang anak. Kesemua ini menunjukkan ujudnya potensi atau kemampuan responden memberi perhatikan yang lebih baik pada anak-anak mereka, samada dari segi sosial ataupun dari segi ekonomi. Tambahan lagi, untuk memudahkan pekerja ladang dan anak-anak pekerja ladang di ladang ini, dua buah sekolan rendah telah didirikan untuk memberi pelajaran kepada anak-anak mereka,

kedua-dua sekolah itu ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Tebrau dan Sekolah Kebangsaan Ladang Tebrau.

Bagaimanapun, masalah yang timbul disini ialah walaupun ibubapa mereka bercita-cita tinggi terhadap anak-anak mereka dan ingin mereka mencapai pelajaran ke tahap yang setinggi yang boleh dicapai asalkan keadaan ekonomi mereka tidak terjejas, tetapi malangnya, anak-anak mereka tidak memberi pertimbangkan yang sewajarnya terhadap pelajaran mereka. Perasaan 'tidak apa' ini berlaku adalah kerana mereka berasa mereka masih boleh 'mewarisi' pekerjaan ibubapa mereka, iaitu sebagai seorang penoreh getah atau pemungut kelapa sawit, dan merasai pelajaran di sekolah telah memeras mental mereka. Tambahan lagi, anak-anak pekerja ladang di sini juga mengalami tekanan psikologi bahawa mereka tidak akan menandingi pelajar-pelajar lain yang lebih berkemampuan dan mempunyai persekelilingan yang lebih sesuai di bandar. Dengan itu, kebanyakan mereka telah tercincir dari bangku sekolah sebelum peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.


Dari segi ekonomi, pendapatan para pekerja ladang adalah lebih kurang sama kesemua pekerja ladang mendapat gaji harian, iaitu, \$4.30 sehari, dengan tambahan SRA (Special relief allowance) sebanyak \$1.50 sehari. Bagi pekerja yang bekerja mencukupi 26 hari dalam sebulan, mereka akan diberi tambahan Cola (Cost of living allowance) sebanyak \$45 sebulan. Dengan itu, secara puratanya, setiap pekerja ladang mendapat gaji berlainan sebanyak \$250 seorang (bagaimanapun, perbedaan gaji pekerja adalah dari \$100 hingga \$350). Bagi mereka yang lebih rajin dan cekap dalam pekerjaan, iaitu bila mereka dapat menghasilkan bahan pengeluaran yang memlebihi hasil yang dikhaskan (melebihi 9.5 kilogram

bagi susu getah), mereka akan diberi tambahan gaji melalui lebihan hasil yang dicapai sebagai insentif kepada kerajinan dan kecekapan mereka.

selanjutnya, mereka telah membelanjakan kepada barang lain seperti

Kesemua pekerja ladang telah diberi kemudahan perumahan dan bekalan air secara percuma, dan mereka hanya perlu membayar lebih kurang \$5 sebulan sebagai bayaran untuk bekalan elektrik bagi keluarga mereka. Dengan itu, gaji yang diperolehi oleh para pekerja ladang diperlukan hanya untuk mendapatkan keperluan asas yang lain dan menjamin keperluan anak-anak mereka. Bagaimanapun, pekerja ladang masih merugut terhadap keadaan perumahan di ladang itu kerana rumah di sini walaupun merupakan rumah jenis campuran papan dan batu tetapi ia hanya mengandungi dua buah bilik bagi setiap rumah. Dengan itu, ia akan kelihatan sesak jika keluarga itu mempunyai bilangan ahli yang ramai.

Gambarajah 3.4 : Pembahagian Pembelanjaan Responden



Dari segi perbelanjaan, secara puratanya diperhatikan bahawa para pekerja ladang telah membelanjakan 69% dari pendapatan mereka

terhadap makanan mereka. Para pekerja ladang juga sangat mementingkan pencapaian pelajaran anak-anak mereka, di mana 7.4% dari pendapatan mereka telah dibelanjakan kepada pelajaran anak-anak mereka. Yang selainnya, mereka telah membelanjakannya kepada barang lain seperti pakaian (3.5%) dan sebagainya.

Walaupun kehidupan pekerja ladang pada umumnya adalah miskin, satu fenomena yang menarik ialah kebanyakan mereka mampu membelanjakan pendapatan mereka pada barang-barang mewah seperti radio, talivesyen, motorsikal dan sebagainya. Dari 32 responden yang disoal-selidik, 59% dari mereka mempunyai motorsikal, 75% memperolehi talivesyen dan radio dan sekurang-kurangnya 30% dari mereka mempunyai peti-sejuk, mesin jahit, pemanas roti dan sebagainya.

Di sini, pengkaji ingin menjelaskan bahawa pekerja ladang di ladang ini memperolehi barang yang istimewa ini tidak bermakna mereka menduduki taraf hidup yang lebih tinggi, tetapi ia hanya merupakan satu fenomena yang istimewa sahaja. Wujudnya keadaan yang sedemikian mungkin adalah oleh sebab:-

- 1) Periklanan yang luas dan dasar kerajaan menolong golongan miskin mendapatkan barang tersebut melalui pengurangan cukai impot dan usaha-usaha lain.
- 2) Keadaan luar-bandar yang berkekurangan kemudahan-kemudahan dan hiburan menyebabkan pekerja ladang ingin memperolehinya
- 3) Pertempatannya yang berdekatan Singapura memungkinkan mereka

mencapai hiburan yang memuaskan melalui mass-media dan mendapat barang itu dengan lebih murah.

Tambahan lagi, kemudahan pengangkutan adalah tidak memuaskan. Di ladang ini, tetapi hanya sebatang jalan tar yang agak buruk dan banyak berlubang menghubungi jalanraya di luar ladang dengan ke empat-empat division perumahan. Selainnya, ia merupakan jalan jenis tanah atau denai-denai. Dengan itu, kenderaan yang paling sesuai digunakan di ladang ini ialah basikal dan motorsikal, dan adalah tidak menghairankan jika sesuatu keluarga di sini mempunyai beberapa buah basikal dan motorsikal. Selain daripada itu, ladang ini juga mempunyai perkhidmatan bas dari ladang ini ke Bandar Johor Bahru yang mengambil masa sejam sekali. Perkhidmatan bus, teksi dan kereta persendirian (menjalankan perkhidmatan tanpa lesen) dari Kangkar Tebrau, iaitu sebuah kampong lebih kurang 200 meter dari pintu masuk Ladang Tebrau.

Untuk memudahkan pembelian barang harian pekerja, perkhidmatan kedai runcit juga didapati disetiap division perumahan. Keempat-empat buah kedai runcit ini menjual berbagai jenis barang keperluan pekerja ladang terutamanya barang bentuk makanan, dengan harga yang lebih murah berbanding dengan harga di Bandar Johor Bahru.

Aspek Pekerjaan

Selain daripada aspek sosial dan ekonomi di atas, pengkaji juga cuba perhatikan aspek pekerjaan para pekerja. Didapati perhubungan sesama pekerja ladang (termasuk mandur dan konduktor) adalah sangat rapat. Perhubungan bersemuka adalah penting dalam corak

hidup mereka. Melalui interaksi berbentuk muka ke muka ini, maka diperhatikan perpaduan wujud di antara satu sama lain, walaupun kaum Melayu dan kaum India mempunyai bilangan pekerja yang terbesar. Di sini juga, wujudnya persefahamkan antara pihak pengurusan (pengurus dan konduktor) dengan pekerja ladang kerana mereka mengetahui apa yang diperlukan oleh kedua-dua pihak.

Pekerja ladang di sini juga yakin bahawa pekerjaan mereka adalah terjamin jikalau mereka tidak melakukan sebarang kesalahan, dan mereka juga berpuashati dengan keadaan tempat kerja dan keselamatan mereka semasa menjalankan tugas, walaupun sebahagian kecil mengadu bahawa tempat kerja mereka mendapati banyak semak-samun dan terlalu sedikitnya gaji mereka.

Sebagai rumusannya, pengkaji mendapati bahawa para responden agak berpuashati dengan keadaan pekerjaan mereka dan tidak merupakan golongan yang terlalu meminta. Corak perhubungan bersemuka juga telah memberi peluang kepada semua yang terlibat dalam ladang (termasuk wakil kepada Kesatuan Sekerja) memahami masalah mereka dan memberi pertolongan sosio-ekonomi jika perlu. Melalui perhubungan ini juga, pekerjaan mereka dapat diselesaikan dengan lebih sempurna. Bagaimanapun, akibat daripada rancangan kerajaan yang hendak mendirikan beberapa kawasan perindustrian di Johor, dan tarikan pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan di kawasan perindustrian dan pembinaan, maka tenaga-tenaga muda telah mengalir keluar dari perladangan dan akan menyebabkan kekurangan tenaga buruh pada masa hadapan jika langkah-langkah yang wajar tidak diperkenalkan untuk mengatasi masalah ini.

BAB IV

Plantation Industry Employers

Kesatuan Sekerja

Association (MPIEA) telah mengalang pertumbuhan

dan telah mengalang pertumbuhan kesatuan sekerja pekerja ladang.

Dalam bab yang lalu, pengkaji telah menerangkan tentang struktur organisasi dan keadaan sosial ekonomi di ladang yang dipilih untuk penyelidikan. Dalam bab ini pula, pengkaji ingin menghuraikan bagaimana kesatuan sekerja telah memainkan peranan yang penting dalam menjaga kebijakan sosial dan ekonomi para pekerja.


Sejarah Penubuhan

Sebelum Perang Dunia Kedua, telah ujud beberapa organisasi untuk pekerja. Organisasi ini pada masa itu telah di penggunaan oleh beberapa orang pemimpinnya sebagai alat untuk melakukan kekacauan di tanah jajahan kerajaan British.

Selepas perang dunia, beberapa buah kesatuan sekerja telah ditubuhkan dalam industri penanaman, satu daripadanya ialah General Labour Union (G.L.U). Kesatuan G.L.U ini telah menjalankan aktiviti menentang kerajaan kolonial daripada menyuarakan masalah-masalah pekerja ladang.

Bila kerajaan kolonial mengistiharkan darurat dan mengadakan undang-undang yang ketat terhadap aktiviti kesatuan sekerja. Pemimpin-pemimpin G.L.U telah menghilangkan diri menjalankan aktiviti-aktiviti pemberontakan. Aktiviti mereka telah menjadi satu ancaman kepada pemimpin-pemimpin lain yang mengorganisasikan pekerja ladang.

Gambarajah 4.1: Struktur Organisasi NUPW



Pemilihan yang sama juga dijalankan di peringkat negeri dan setiap cawangan Union. Bagi cawangannya, seorang pengurus, dua orang timbalan pengurus, seorang setiausaha, seorang Bendahari dan tujuh hingga tiga belas ahli jawatankuasa akan dipilih untuk mewakili ahli-ahli union disetiap kelang.

Melalui tahap-tahap organisasi ini, NUPW akan berusaha mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh pekerja. Jika suatu suasalah itu tidak dapat diatasi pada peringkat cawangannya, perkara itu akan dirujukkan kepada peringkat Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Kebangsaan untuk menyelesaiannya.

Pekerja ladang dan Kesatuan Sekerja

Pada umumnya, semua pekerja di ladang ini adalah berkelayakan untuk menjadi ahli kesatuan NUPW. Mereka boleh memohon menjadi ahli Kesatuan dengan mengisi satu set borang yang kemudiannya dihantar kepada ibupejabat NUPW. Setelah diluluskan, pihak NUPW akan meminta pihak pengurusan ladang memotong \$3 dari gaji ahlinya setiap bulan sebagai bayaran ahli kepada NUPW.

Dari ladang ini, semua ahli NUPW akan memilih ahli jawatankuasa mereka. Kesemua ahli jawatankuasa yang dipilih ini merupakan ahli yang sukarela dan mereka akan diberi bayaran gantirugi jika mereka terpaksa menjalankan urusan kesatuan sekerja pada masa rehat atau waktu bekerja. Biasanya, bayaran yang diberi adalah sama dengan kadar bayaran gaji harian pekerja am.

Oleh sebab cawangan ini juga adalah cawangan kepada NUPW, maka penentuan corak sosial ekonomi pekerja ladang di sini juga bergantung kepada keputusan "Collective Bargaining" di antara NUPW dengan Malaysian Agricultural Producers' Association (MAPA). Dalam penentuan ini, ahli-ahli cawangan tidak mengambil bahagian secara langsung dalamnya, walaupun pihak Kesatuan Sekerja Kebangsaan NUPW selalunya membincangkan keperluan asas pekerja ladang dengan wakil cawangannya.

Dalam ladang ini, lebih kurang 83% dari pekerjaanya merupakan ahli NUPW. Di sini, pengkaji mendapati walaupun mereka sangat mempercayai kemampuan NUPW, tetapi kebangyakan dari mereka tidak mengambil berat tentang pergerakan para ahli jawatankuasa yang dipilih oleh mereka. Bila pengkaji bertanya mengapa mereka menjadi ahli Kesatuan, kurang daripada 15% daripada responden itu menjawab dengan alasan sementara yang lainnya hanya mengatakan bahawa mereka hanya mengikut apa yang dilakukan oleh pekerja lain sahaja.

Dari 15% itu pula, alasan mereka hanya berbentuk menjaga kebijakan pekerja dalam ladang itu sahaja, misalannya, meninggikan gaji mereka atau mengatasi masalah tempat tinggal di ladang itu. Keadaan sedemikian berlaku adalah akibat dari sebab-sebab berikut:-

- i) Kekurangan pelajaran untuk memahaminya
- ii) Tindakan pihak NUPW yang hanya memerlukan sokongan mereka, tetapi tidak menitikberatkan tentang persoalan tujuan mereka.
- iii) Kaum wanita pula, akibat dari tekanan 'psikologi', iaitu apa

orang lain mempunyai, mereka hendak memiliki juga menyebabkan mereka menjadi ahli tanpa memikirkan kebaikan dan keburukannya.

iv) Sikap para pekerja ladang yang mengabaikan fungsinya.

Oleh kerana akibat-akibat ini, ujudlah fenomena di mana dari segi psikologi bahawa mereka akan dapat mengatasi masalah yang mungkin timbul kelak melalui NUPW. Sementara itu, mereka hanya memberi bayaran yuran setiap bulan tanpa memfikirkan apakah sebenarnya peranan NUPW dan apakah sebenarnya yang berlaku dalam NUPW.

Dengan itu, perkara perasaan ketidakadilan dapat diatasi dengan tenteramnya melalui NUPW kerana mengikut pekerja yang disoal, perkara tunjuk perasaan dan mogok adalah diharamkan sama sekali oleh NUPW, dan segala perkara ketidakadilan harus dibawa oleh ahli-ahli jawatankuasa cawangan itu ke dalam perundingan negeri.

Melalui proses ini, iaitu NUPW sebagai badan perantaraan untuk menyuarakan masalah para pekerja ladang, maka NUPW telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan di antara pekerja dan pengurus dalam ladang ini, di mana masalah-masalah pekerja dan pembuat polisi dapat diatasi melalui perundingan.

Di ladang ini juga, oleh kerana melebihi 80% dari pekerja ladang adalah ahli Kesatuan Sekerja, pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh ahli-ahlinya dalam ladang ini juga berkuasa mengetuai ahli-ahlinya menuntut kepentingan-kepentingan sosial atau menuntut keadilan

jika ahli-ahlinya tidak diberi layanan yang berpatutan dari pihak pentadbir, terutamanya dari aspek pekerjaan mereka.

Bagaimanapun, oleh kerana pemimpin-pemimpin bagi kesatuan sekerja ini kebanyakannya adalah berpelajaran rendah, terutamanya ahli-ahli jawatankuasa di peringkat estate. Akibat dari itu, corak dan pergerakan NUPW sebagai sebuah kesatuan sekerja tidak banyak difahami oleh mereka. Dengan itu, suara mereka untuk meninggikan taraf hidup pekerja ladang adalah tidak begitu memuaskan dan perkara-perkara yang dibangkitkan hanyalah berbentuk keperluan-keperluan atas yang menjaskankan kehidupan mereka, bukannya usaha untuk mengatasi kemiskinan sosio dan ekonomi pekerja ladang secara keseluruhannya.

Tambahan lagi, ahli jawatankuasa yang dipilih selalunya tidak berani berhadapan dengan pihak pentadbir kerana pada pendapat mereka jaminan pekerjaan mereka mungkin akan terjejas jika mereka terlalu memaksa pihak pengurusan memperbaiki cara hidup mereka. Apatah lagi kebanyakannya mereka telah berkahwin dan memerlukan jaminan dalam pekerjaan demi menjamin masa depan anak-isterinya dan dirinya sendiri. Dengan itu, bila pihak kesatuan sekerja meminta perubahan dalam suatu masalah sosial, selalunya pihak pentadbir hanya akan menyelesaikan masalah alternatif yang kurang mempengaruhi pekerja ladang dan berkos rendah.

Sementara itu, Malaysian Agricultural Producers' Association (MAPA) sebagai pertubuhan mengwakili para majikan untuk mempertahankan kebijakan mereka merupakan suatu kuasa untuk menekan dan memerhatikan pergerakan NUPW, dan seterusnya pekerja ladang yang merupakan ahli

kesatuan. Melalui perundingan di antara NUPW dan MAPA yang mengwakili dua pihak yang bertentangan, maka keseimbangan ujud di antara kedua pihak jika masing-masing dapat mengatasi masalah mereka.

Tetapi, sekiranya kedua-dua pihak teguh dalam pendirian masing-masing misalannya, perundingan memberi bayaran gaji bulanan minima yang tetap telah dibentang oleh NUPW baru-baru ini telah menerima pertentangan hebat oleh MAPA, maka geselan yang hebat mungkin akan menyebabkan ketidakseimbangan di antara mereka, kecuali adanya campurtangan pihak ketiga sebagai pengadil, misalnya, perkara gaji tetap telah dibawa ke mahkamah untuk menentukan keadilan.

Dengan itu, diperhatikan kesatuan sekerja khususnya NUPW di sini merupakan satu bahagian atau institusi yang tidak dapat diabaikan. Keseimbangan dalam institusi ini adalah penting demi meneruskan kestabilan. Bagaimanapun, jika keseimbangan ini tiada perubahannya, misalnya melalui perundingan untuk memperbaiki keadaan sosio ekonomi pekerja ladang, ia akan menyebabkan perbedaan jurang yang semakin seluas di antara pekerja dan pentadbir dan institusi itu akan menjadi dysfunctional, akibatnya ia akan membawa tendensi kepada perubahan atau revolusi.

Jumlahnya adalah besar. Untuk mengatasi kekurangan ini, maka perindustrian dijalankan menggunakan pertambangan, misalnya pasca-usaha sedang dijalankan untuk mengurangkan sebahagian dari ladang tebu dan kepada ketulan perindustrian. Sesekali pun, perusahaan memproses bahan-bahan mentah tempatan kepada barang siap juga dimajukan untuk membolahkan bahan mentah ini diserap dalam pasaran tempatan. Lagipun barang siap ini juga boleh dijual dengan harga yang lebih tetap di pasaran dunia, dan kurangan persaingan

RUMUSAN

Melalui proses pertumbuhan juga, ia dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak di kawasan perindustrian. Lagipun, Dalam penghuraian sebelum ini, boleh diperhatikan peringkat pembangunan yang dijalankan oleh Perbadanan. Perbadanan, sebagai sebuah badan perancang pembangunan bagi Negeri Johor, telah melalui masa memperkuatkan kedudukannya dalam keadaan 'self-financing' dengan modal yang banyak dari kerajaan dan bank-bank perdagangan serta keuntungan dari pelaburan.

Setelah mencapai keadaan kewangan dan pentadbiran yang agak stabil, Perbadanan beransur-ansur telah memilih perusahaan yang menguntungkan dan merancang menuju matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pengkaji juga mendapati Perbadanan mempunyai tendensi untuk mengurangkan pergantungannya kepada pertanian, dan telah mempelbagaikan usahanya dalam perindustrian, perdagangan dan sebagainya. Perbadanan melakukan perubahan ini sebab pasaran barang pertanian adalah bergantung kepada pasaran pembeli (buyers market) di mana perubahan harga jualannya adalah besar. Untuk mengatasi kekurangan ini, maka perindustrian dijalankan menggantikan pertanian, misalnya usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengubahkan sebahagian dari Ladang Tebrau kepada kawasan perindustrian. Tambahan pula, perusahaan memproses bahan-bahan mentah tempatan kepada barang siap juga dimajukan untuk membolehkan bahan mentah ini diserap dalam pasaran tempatan. Lagipun barang siap ini juga boleh dijual dengan harga yang lebih tetap di pasaran dunia, dan kurangkan pergantungan

bahan-bahan mentah kepada pasaran luar.

Melalui proses perindustrian juga, ia dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak di kawasan perindustrian. Lagipun, diperhatikan bahawa golongan petani yang miskin di luar bandar terdiri daripada sebahagian besar penduduk Malaysia, dan kebanyakannya mereka menjalankan pertanian dengan cara yang tidak effisien. Dengan mendirikan kawasan perindustrian seperti Pasir Gudang, ia dapat menarik penduduk luar bandar ke kawasan perindustrian itu dan secara tidak langsung memperbaiki taraf hidup mereka dengan mengurangkan gunatenaga yang dysfunctional di luar bandar.

Bagaimanapun, jika diperhatikan dengan terliti, polisi-polisi yang dijalankan mempunyai percanggahan dari matlamat Perbadanan, terutamanya dengan matlamat kedua untuk membasmikan kemiskinan. Usahanya untuk menyerapkan penduduk luarbandar dalam kawasan perindustrian seperti yang dijalankan di Pasir Gudang, walaupun pada jangkamasa pendeknya akan menunjukkan keadaan sosio-ekonomi yang baik, tetapi pada jangkamasa panjangnya akan menimbulkan satu kawasan golongan miskin yang baru akibat dari penduduk yang semakin meningkat dan corak perniagaan swasta yang menitikberatkan keuntungan maksima.

Polisi-polisi melabur dan urusniaga sendiri ini juga sebenarnya hanya memenafaatkan golongan menengah dan atasan, bukannya golongan miskin yang tidak mempunyai modal dan pengalaman. Sebenarnya jurang kemiskinan akan bertambah besar dengan perlaksanaan polisi-polisi itu kerana dengan memperbaiki banya taraf hidup golongan menengah dan atasan, ia akan membolehkan mereka mempunyai kuasa

membeli (purchasing power) yang lebih tinggi, menyebabkan harga barang bertambah dan golongan miskin, pekerja ladang misalnya, akan berkurangan simpanan atau tabungan atas perbelanjaan.

Dalam bahagian pekerja ladang, Perbadanan sebenarnya tidak berusaha sendiri terhadap pengurusan ladang-ladangnya, tetapi dijalankan pengurusannya di bawah Eastern Plantation Agency, yang berorientasi kepada pencapaian keuntungan maksima. Dengan itu, ladang-ladang milik Perbadanan sebenarnya tidak mempunyai banyak perbedaan dengan pengurusan di bawah kaum British yang menjualkan ladang ini kepada Perbadanan pada tahun 1969 atau pengurusan ladang-ladang swasta lain di negeri ini.

Bagaimanapun, suatu fenomena yang menarik pengkaji ialah cara hidup pekerja-pekerja di sini. Pekerja ladang di sini walaupun miskin, tetapi mempunyai hubungan yang sangat rapat. Corak sosialisasi yang begitu rapat menyebabkan mereka seakan-akan tinggal sebagai masyarakat yang terasing. Tambahan lagi, walaupun responden yang di temubual merasai ketidakseimbangan antara pekerjaan dengan pendapatan mereka tetapi mereka hanya terpulang kesemua itu kepada nasib sahaja.

Sebenarnya, mereka tidak ingin meninggalkan ladang itu, kecuali golongan pemuda yang ingin mencuba nasib di bandar atau kawasan perindustrian. Selain daripada itu, kemampuan mereka membeli barang mewahan seperti talivesyen, peti sejuk, video dan sebagainya juga menunjukkan bahawa mereka tidak hidup di bawah garis kemiskinan mutlak, walaupun cara relatifnya, mereka tergolong dalam golongan

miskin di negeri ini.

Bagaimana, oleh sebab keadaan ekonomi yang tidak stabil, maka pekerja-pekerja juga berasa mereka seakan-akan diperas oleh orang atasan untuk mencapai tujuan mereka. Dengan itu, untuk mencapai kehendak-kehendak mereka dan mengurangkan perasasan tekanan ini, mereka menaruh perhatian mereka kepada institusi tertentu, iaitu Kesatuan Sekerja untuk mencapai matlamat mereka walaupun mereka sebenarnya tidak mengetahui apa fungsi-fungsi utama institusi itu. Bahkan dari kesemua responden yang ditemubual, lebih daripada 90% dari mereka tidak mengetahui nama Kesatuan Sekerja mereka, dan hanya mengetahui namanya ialah 'union' sahaja.

Akibat dari itu, Kesatuan Sekerja Pekerja, NUPW dan Kesatuan Sekerja Majikan, MAPA merupakan dua institusi di mana usaha dijalankan untuk mencapai 'equilibrium' dalam masyarakat pekerja ladang. NUPW mengwakili pekerja ladang mempertimbangkan kebijakan pekerja dengan kuasanya untuk menimbulkan kekacauan di ladang, dan MAPA dalam usaha memperimbangkan atau mengatasi kekacauan untuk mencapai perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial yang optima.

LAMPIRAN I

BENTUK SOAL SELIDIK UNTUK RESPONDEN

No. Responden :

Kawasan Perindustrian :

(1) Jantina : L _____ P _____

(2) Umur : _____

(3) Bangsa : M _____ C _____ I _____ L _____

(4) Status Perkahwinan: Bujang _____ Kahwin duduk bersama _____
Duda/Janda _____ Kahwin duduk berasingan _____

(5) Tingkat Pelajaran yang tercapai: _____ Desa _____

Darjah	Responden	Isteri/suami	Bapa
Tidak bersekolah			
Darjah 1-6			
Lulus Sekolah Rendah			
Tingkat 1-3			
Lulus S.R.P.			
Tingkat 4-5			
Lulus S.P.M.			
Lain-lain (nyatakan)			

(6a) Tanggungan:

Jenis kerja Ibu/isteri	Ciri-ciri kerja	Berkahwin	Belum berkahwin
		Bilangan Anak	Tanggungan Adik-beradik
Jumlah			
Belum masuk sekolah			
Bersekolah			
Bekerja (nyata pendapatan)			
Menganggor			

(6b) Pekerjaan ibu/bapa: _____

c) Jika ibu/isteri bekerja, siapa yang menjaga anak?

Orang gaji _____ Rumah tumpangan _____

Tinggal di kampung _____ Lain-lain (nyatakan) _____

(7) Kampung asal (Kampung halaman): _____ (nyatakan)

Bandar _____ Pekan _____ Desa _____

(8a) Tempat tinggal sekarang: _____ (nyatakan)

Papan _____ Batu _____ Papan & Batu _____

b) Umur anda bekerja?

b) Berapa orang yang tinggal di rumah anda: _____

c) Berapa orang anak/adik-beradik yang tinggal bersama anda _____

d) Berapa orang yang tinggal di rumah anda adalah saudara-mara: _____

e) Berapa orang yang tinggal di rumah anda yang bekerja:
(Nyatakan hubungan dengan responden) _____

1. _____

Lain-lain (nyatakan) _____

2. _____

Lain-lain (nyatakan) _____

3. _____

9. Pekerjaan:

Pekerjaan Suami/Isteri	Ciri-ciri Kerja	Pengalaman Bekerja Responden Pekerjaan Dahulu Pekerjaan Sekarang	
Jumlah	Jenis kerja (eg. mesin operator, buruh)		
Perbelanjaan	Nama Syarikat		
Makanan	Tempat kerja (jarak dari rumah)	Hilirian (+ sekelip)	
Tidur	Barangan keluaran	Rimutan keran	
Bantuan	Kerja Sementara/Tetap	Elektrik/Air	
Pelabuhan	Upah Harian/Bulanan	Pemberian kpd Dua-bapa	
Pelajar	Jumlah Gaji Sebulan	Iain-iain (nyatakan)	
	Punca Pendapatan Lain		
	Berapa Tahun Bekerja (Umur Bekerja)		
	Perlukan Kemahiran?		
	Penerimaan Latihan?		

10a) Mengapa menukar kerja?

b) Umur mula bekerja? _____

11a) Pendapatan:

Gaji pokok - _____

Potongan :

Elaun - _____

KSWP - _____

Kerja Lebihan Masa

SOC SO - _____

Kadar: _____ sejam

Transport (Co.) _____

Jumlah - =====

Lain-lain (nyatakan)

15. Apakah penghasilan di bawah

=====

Jika ya, berapa?

b) Masa berkerja _____

Masa berehat _____

Giliran waktu bekerja _____

Jumlah jam bekerja (sehari) _____

12) Perbelanjaan:

Makan	T.V	Hiburan (+ rokok)	_____
Sewa	Lain (perbulan)	Minuman keras	_____
Tambang	_____	Elektrik/Air	_____
Pakaian	_____	Pemberian kpd Ibu-bapa	_____
Pelajaran anak	_____	Lain-lain (Nyatakan)	_____

13. Masalah yang mungkin dihadapi:

Tanggungan anak :

Pekerjaan rumah :

Pengaruh dengan pelajar lain

Perkahwinan :

Kebutuhan yang ada (bergejolak)

Kerja yang dilakukan

Diri sendiri (mental/fizikal) :

Supervisori

Kesulitan dalam bekerja

Harta

Radar kerja (terlalu cepat)

14. Kepunyaan rumah yang tinggal sekarang:

(Jika kepunyaan sendiri, nyatakan harga membelinya) _____

Alasan:

15. Mempunyai simpanan di Bank?

Jika ya, berapa?

16) Mempunyai: Motosikal _____, kereta yang dipentingkan _____, kereta yang berkuasa dan sebagainya jadi di atas. (Pilih tiga sahaja) Mesin jahit _____

1. Peti sejuk _____

Kipas angin elektrik _____

Basikal _____

Radio _____

T.V _____

1) Beliau mampu Lain (nyatakan) _____

(a) 1/14 (dua minggu)

17) Aspek Kerja:

(a) 1/30 (sebulan)

(a) Aspek	Memuaskan	Kurang Memuaskan	Alasan
Gaji			
Jaminan Pekerjaan	Ya/Tidak		
Peluang Kenaikan Kerja			
Keadaan tempat kerja (keselesaan)			
Pergaulan dengan pekerja lain			
Kebebasan yang ada (bergerak)			
Kerja yang dilakukan	Ya/Tidak		
Supervisors			
Keselamatan semasa bekerja			
Kadar kerja (terlalu cepat)			

Adakah anda bercadang menukar kerja anda? Ya/Tidak

Alasan: _____

Sekiranya anda akan bertukar kerja, manakah yang dipentingkan dalam memilih kerja baru ini mengikut jadual di atas. (Pilih tiga mengikut keutamaan 1, 2, 3):

1. _____
2. _____
3. _____

Hubungan Dengan Kampung:

- 1) Balik kampung: (a) 1/7 (seminggu) _____
(b) 1/14 (dua minggu) _____
(c) 1/30 (sebulan) _____
(d) 1 kali dalam 3 bulan _____
(e) Raya _____
(f) Peristiwa tertentu _____

- 2) Pernahkan bekerja sebagai petani? Ya/Tidak

Kenapa menukar kerja?

-
- 3) Ibu/bapa masih ada di kampung? _____

Saudara-saudara di kampung? _____

- 4) Adakah memiliki tanah/kebun di kampung? Ya/Tidak

Tanah terbiar _____

Sewa kepada orang _____

Dikerjakan oleh sdr. _____

Lain-lain _____

- 5) Adakah berniat balik ke kampung? Ya/Tidak

Alasan: _____

Kesatuan:

Adakah ujudnya union untuk pekerja di kilang?

Ya _____ Nama : _____

Tidak _____

Menjadi Ahli : Ya _____

Tidak _____ Alasan: _____

Apakah halangan yang ujud yang menghalang seorang pekerja dan menjadi ahli union?

Peranan Kesatuan:

Tidak tahu.

Adakah Kesatuan Sekerja di negara ini mempunyai kuasa?

Pernahkan anda menyertai sesuatu mogok?

Tujuan Mogok:

Kesan Mogok: _____

KEMAJUAN PROJEK-PROJEK PERTANIAN PKENJ PADA 31HB DISEMBER, 1982


BIL	NAMA-NAMA LADANG	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)	TANAMAN BERHASIL (HEKTAR)		TANAMAN BELUM BERHASIL (HEKTAR)		LAIN-LAIN T/S (HEKTAR)	BELUM BERTANAM (HEKTAR)	GUNATENAGA (ORANG)
			GETAH	KELAPA SAWIT	KOKO	GETAH	KELAPA SAWIT	KOKO	
A. LADANG-LADANG PERBADANAN									
1.	Ladang Tebrau	1,536	659	554	-	13	196	-	4
2.	Ladang Pagoh	146	-	144	-	-	-	-	20
3.	Ladang Bukit Kelompok	2,488	-	157	-	-	1,001	46	10
4.	Ladang Pasir Logok	2,198	-	267	-	-	1,607	8K	15
5.	Ladang Sg. Sinpang Kiri	2,393	-	1,487	-	-	405	-	220
6.	Ladang Sg. Sembrong	1,837	-	1,714	-	-	118	-	249
7.	Ladang Selai	5,915	-	-	-	-	1,973	# 236	36
8.	Ladang Bukit Cucuk	243	-	243	-	-	-	-	85
9.	Ladang Kuala Kabong	2,890	313	295	-	12	188	21	-
10.	Ladang Sungai Papan	3,029	677	241	-	-	1,285	-	123
11.	Ladang Sg. Pasir Panjang	4,047	-	-	-	-	-	-	149
JUMLAH A		26,722	1,649	5,102	-	25	6,773	441	84
B. LADANG-LADANG SYARIKAT ANAK									
1.	Ladang Buluh Kasap	5,873	-	-	-	-	387	92	29
2.	Ladang Siang	3,451	-	990	96	-	1,790	102	-
3.	Ladang Sepang Loi	959	-	694	-	-	185	-	-
JUMLAH B		10,283	-	1,684	96	-	2,362	194	29
JUMLAH TOTAL		36,995	3,333	16,486	-	27	9,135	635	113

BIL	NAMA-NAMA LADANG	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)	TANAMAN BERHASIL (HEKTAR)			TANAMAN BELUM BERHASIL (HEKTAR)			LAIN-LAIN T/S (HEKTAR)	BELUM BERTANAM (HEKTAR)	GUNATENAGA (ORANG)
			KELAPA GETAH	KELAPA SAWIT	KOKO	KELAPA GETAH	KELAPA SAWIT	KOKO			
C. LADANG-LADANG PIHAK LAIN											
1.	Ladang Buluh River	588	207	-	-	-	-	-	-	-	Dikontrakkan
2.	Ladang Sungai Layang	498	-	482	-	-	13	-	-	-	83
3.	Ladang Sungai Kluang	929	-	760	-	-	108	-	-	-	94
4.	Ladang Linden	1,174	445	-	-	53	112	-	4	44	138
5.	Ladang Asam Bubuk	1,006	-	261	-	-	325	-	13	398	52
6.-	Rancangan Tanah Beliawanis	399	-	335	-	-	64	-	-	-	115
JUMLAH C		4,594	652	1,838	-	53	622	-	17	442	482
D. LADANG-LADANG SYARIKAT SEKUTU											
1.	Kulim (M) Bhd.	13,757	1,271	10,863	-	218	375	99	92	11	3,017
2.	Yule Catto Plantations Sdn. Bhd.	6,611	2,347	2,975	-	184	465	258	-	-	1,260
JUMLAH D		20,368	3,618	13,838	-	402	840	357	92	11	4,277
JUMLAH A + B + C + D		61,967	5,919	22,462	96	480	10,597	962	222	13,951	6,889

NOTA: + Peringkat Pembersihan
 : Peringkat Pertanaman
 * Belum dimajukan

K/S - Kelapa Sawit # - 22 hektar koko dan 214 hektar pokok gliricidia
 K - Kelapa
 T/S - Tapak Semaian

CARTA ORGANISASI
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI JOHOR
(PADA 31HB. DISEMBER, 1982)



BIBLIOGRAFI :

- Bailey, Kenneth D : Methods of Social Research, New York Free Press, 1978
- Gamba, Charles : The National Union of Plantation Workers, a history of the plantation workers of Malaya, Eastern Universities Press, 1962
- Malaysia : Third Malaysia Plan 1976 - 1980, The Government Press, Kuala Lumpur
- Mayntz, Renate : Introduction to Empirical Sosiology Penguin Education, 1976
- PKENJ : Lapuran Tahunan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, 1973 hingga 1982.